

PERUTUSAN KETUA PENGARAH AADK SEMPENA HARI ANTIDADAH ANTARABANGSA (HADA) 2022

Bismillahirrahmanirahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Pada tahun ini, Hari Antidadah Antarabangsa (HADA) dapat disambut setelah pandemik Covid-19 beransur ke fasa endemik. Masalah dadah sejagat masih lagi cabaran utama yang perlu ditangani dengan melibatkan masyarakat sebagai barisan hadapan bagi mencapai hasrat Dadah Terkawal 2025.



Tema pada tahun ini iaitu “**Addressing drug challenges in health and humanitarian crises**” dipilih oleh UNODC bagi menangani cabaran dadah transnasional yang berpunca dari situasi krisis dan terus menyokong untuk melindungi hak kesihatan bagi golongan rentan termasuk kanak-kanak dan belia, pengguna dan penyalahguna dadah serta mereka yang memerlukan ubat terkawal. Menurut UNODC, penyalahgunaan dadah juga boleh berlaku akibat dari pelbagai faktor termasuk tekanan psikososial, ketersediaan bahan yang berbeza, pencabulan hak asasi, pergolakan politik dan stigmatisasi.

Oleh yang demikian, pencegahan dan rawatan pemulihan dadah menjadi tumpuan utama dan harus dipertingkatkan lagi dalam penggubalan dasar kesihatan awam di peringkat nasional dan global bagi menangani isu penyalahgunaan dadah bagi golongan rentan. Usaha-usaha menangani masalah penyalahgunaan dadah memerlukan kecekapan dalam pemprosesan data serta fakta untuk penyediaan pelan tindakan penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan.

Berdasarkan laporan *World Drug Report 2021* oleh UNODC, seramai 36.3 juta individu menderita akibat penagihan dadah di seluruh dunia. Lebih mendukacitakan, hanya satu daripada lapan individu yang menerima rawatan disebabkan diskriminasi dan stigma masyarakat.

Di seluruh dunia, risiko penyalahgunaan dadah adalah disebabkan stigma serta pengecualian sosial (*social exclusion*) yang menyebabkan sukar untuk mencapai matlamat *Sustainable Development Goals*. Pandemik Covid-19 telah menambah kesukaran dalam menghadapi cabaran ini disebabkan kekangan dalam sistem perkhidmatan kesihatan dan jurang keselamatan sosial yang semakin luas.

Dalam pemulihan Covid-19 ini juga, seluruh dunia perlu menunjukkan solidariti atau kebersamaan dalam menjalankan tanggungjawab untuk mengatasi masalah dadah secara bersepadu. Mereka yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah ini adalah golongan rentan yang memerlukan perkhidmatan yang lebih berkesan bagi membangun ketahanan mental dan fizikal mereka untuk turut sama dengan masyarakat dalam menghadapi cabaran-cabaran globalisasi masa kini.

Malaysia mengambil langkah berterusan dalam menangani isu penyalahgunaan dadah melalui Program Penghijauan Kawasan Berisiko Tinggi (KBT) yang merangkumi 155 kawasan selama 5 tahun sehingga 2025. Strategi yang digunakan dalam Program Penghijauan KBT ini merangkumi model i-Cegah, i-Pulih dan i-Prihatin serta melibatkan usaha bersama semua pihak melalui Jentera Penyelarasan Pelaksanaan Dasar Membanteras Gejala Dadah Negara termasuk lain-lain agensi berkaitan seperti yang digariskan di dalam Dasar Dadah Negara.

Ingin saya menegaskan bahawa kempen Lebih Baik Cegah yang dilaksanakan oleh AADK adalah sinonim dengan inisiatif awal bagi mengekang masalah penyalahgunaan dadah yang akan mengakibatkan krisis kesihatan dan akhirnya jika tidak ditangani dengan baik, ia akan membawa kepada krisis kemanusiaan yang melibatkan masyarakat dan negara. Justeru, pencegahan dadah harus bermula dari rumah kerana tindakan ini mampu memberi manfaat kepada generasi akan datang berlandaskan kesedaran, ilmu pengetahuan dan penerapan nilai-nilai murni dalam jiwa anak bangsa yang akan mencorak masa hadapan negara yang dapat mengawal masalah berkaitan dadah.

Hari Antidadah Antarabangsa 2022



Akhir kata, saya menyeru kepada semua pihak agar dapat menzahirkan solidariti dan berkongsi tanggungjawab dalam membebaskan Malaysia dari belunggu dadah dan secara tidak langsung menyumbang kepada penurunan statistik penyalahgunaan dadah di peringkat global.

Selamat menyambut Hari Antidadah Antarabangsa 2022, bersama-sama kita “Menangani Cabaran Dadah dalam Krisis Kesihatan dan Kemanusiaan”. Dengan kempen #CareInCrises, diharapkan ia menjadi titik perubahan dalam usaha global untuk menangani cabaran permasalahan dadah.

**KETUA PENGARAH
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN
27 Jun 2022**



“Menangani cabaran dadah dalam krisis kesihatan dan kemanusiaan”